

DIALISIS BERI PELUANG KEDUA UNTUK ANA

Oleh: Fatin Natasha binti Amran, 1171129,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 13 Ogos 2020



Ana bersama suaminya.

Semuanya bermula dengan kepulangannya ke tanah air. Ana dimasukkan ke hospital setelah pengsan di rumah.

Pada mulanya, keluarga Ana menyangka mungkin sekadar sakit biasa kerana dia baru pulang dari menunaikan umrah.

Walau bagaimanapun, doktor mengesahkan bahawa Ana menghadapi kegagalan buah pinggang serta kedua-dua organ itu tidak berfungsi dan mula mengecut.

Dia mula tertekan dan takut kerana menganggap mungkin pengambilan jamu semasa muda yang menyebabkan buah pinggangnya rosak.

Apabila doktor menyarankan untuk membuat dialisis, dia tidak mahu kerana masih bingung dengan apa yang terjadi.

Hampir setiap masa suami dan anak-anak menemaninya di hospital. Bergilir-gilir menjaganya siang dan malam.

Setiap kali mereka ingin pergi ke tandas atau membeli makanan, pasti Ana bertanya mereka hendak ke mana. Dia bimbang kalau orang yang disayangi tiada di sisi ketika apa-apa berlaku.

Ana berkata bahawa dia mengambil masa yang lama untuk menerima hakikat malah dilanda kemurungan seketika sehingga menyebabkannya kurang makan, selalu termenung dan gelisah ketika di hospital.

Akhirnya, atas sokongan dari keluarga, doktor dan kawan-kawan yang tidak putus-putus memberi semangat kepadanya, Ana mengambil keputusan untuk melakukan dialisis.

Doktor menyarankan kaedah dialisis peritoneum (DP) kerana Ana tidak mahu terbeban dengan hemodialisis yang memerlukan rawatan setiap minggu ke hospital.

DP juga dikenali sebagai dialisis air kerana menggunakan cecair. Proses dialisis ini menggunakan peritoneum pesakit di bahagian abdomen sebagai membran di mana bahan toksik atau sisa metabolik dikeluarkan melalui kaedah resapan.

Kini, sudah dua tahun dia bergantung kepada kaedah dialisis tersebut. Walau bagaimanapun, sekali lagi ujian datang melanda apabila Ana terkena jangkitan kuman di saluran keluar masuk dialisis.

Ana terpaksa menjalani pembedahan secepat mungkin untuk mengelakkan jangkitan kuman merebak.

Hatinya bertambah hancur apabila menerima khabar abangnya tidak sedarkan diri di rumah disebabkan ada darah beku pada bahagian otak.

Ana bimbang tentang abangnya yang masih belum berkahwin sedangkan semua adik beradik yang lain juga uzur dan tua.

Dia mahu kehidupan sehariannya kembali seperti dahulu supaya dapat menjaga abangnya yang sakit tanpa bergantung kepada mesin.

Ana kembali kepada rutin harian melakukan dialisis sendiri di rumah selepas dibenarkan keluar hospital. Duduk di dalam bilik istimewa untuk melakukan dialisis membolehkan dia sentiasa berfikir bahawa setiap apa yang berlaku pasti ada hikmahnya.



Baginya, dialisis diibaratkan sebagai nyawa kedua bagi membolehkannya menjalani kehidupan normal sama seperti insan yang lain.

Tiga kali seminggu selama empat jam setiap sesi adalah masa yang perlu diperuntukkan di hadapan mesin dialisis untuk membuang sisa kotoran dan cecair berlebihan dari badan.

Jadual harian kini diubah secara keseluruhan agar dia tidak terlewat atau terlupa melakukan perkara wajib ini setiap minggu. Jika tidak badan akan lemah dan tidak bermaya.

Apa yang dilalui dalam kehidupannya kini mengajarnya bahawa keluarga adalah yang terpenting dalam kehidupan dan mereka tiada galang gantinya.

Mereka yang sentiasa bersama ketika dirinya lemah, sakit dan tidak berdaya. Dia juga belajar bahawa hidup ini adalah sementara.